

BERITA HARIAN

DATE: 19/02/2008

# Manfaat pendidikan disedia kerajaan: PM

BH - 19/2/2008

## Generasi muda kena rebut peluang timba ilmu maju negara



Oleh Azman Zakaria

**P**ETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu golongan muda merebut dan menggunakan peluang pendidikan berkualiti disediakan kerajaan, termasuk dalam bidang kemahiran untuk menjadi golongan yang terlatih.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu anak muda menjadi liabiliti, sebaliknya mahu mereka menjadi aset yang bernilai untuk negara dan bangsa.

"Saya sayang kepada anak muda, mereka adalah tenaga yang diperlukan untuk membangunkan negara.

"Kita tak suka mereka terbabit dengan masalah seperti dadah, jenayah atau aktiviti yang tidak memberi faedah. Walaupun jika mereka ada masalah, tetapi mereka berpotensi menjadi anak baik.

"Mereka mesti diberi dan meng-

gunakan peluang pendidikan bermutu yang disediakan kerajaan dan swasta. Kita bukan saja menyediakan dari segi kuantiti, tetapi juga kualiti pendidikan," katanya ketika berucap merasmikan kampus induk Kolej SEGi Malaysia di Kota Damansara, di sini, semalam.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Pengerusi SEGi International Bhd (SEGi), Datuk Pahamin Rajab.

Kampus induk Kolej SEGi yang terletak di kawasan seluas empat hektar boleh menampung 12,000 pelajar. Selain di Kota Damansara, kolej SEGi juga terdapat di Subang Jaya, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sarawak dengan bilangan pelajar keseluruhannya seramai 16,000 orang.

Abdullah berkata, pelajar mesti mengambil peluang menuntut ilmu sebanyak mungkin, terutama ketika usia muda untuk memperkasakan diri dengan pengetahuan.

"Ingat muda hanya sekali saja... dengan itu amat penting ketika muda untuk buat yang terbaik untuk perkasakan diri dengan ilmu. Kita mahu negara maju pada 2020 dan selepas

itu meneruskan perjalanan kerana tiada noktah dalam perjalanan mara ke depan untuk bangunkan negara," katanya.

Abdullah berkata, pembangunan modal insan penting kerana masa depan dan kekuatan bangsa datangnya bukan hanya daripada kekuatan jasmani, tetapi juga kekuatan ilmu.

"Kekuatan tidak semestinya daripada kemudahan dan perkakasan yang tinggi mutunya atau oleh alat peperangan. Kekuatan hakiki ialah kekuatan insan dan rakyat yang berilmu dan bersemangat yang boleh menyumbang kepada negara supaya negara bertambah jaya dan maju... inilah kekuatan sebenar rakyat yang turut mengamalkan nilai dan pekerti baik.

"Jika ada kekuatan ini, yang lain semua boleh direka bentuk atau diwujudkan menerusi inovasi dan kreativiti insan yang mempunyai ilmu," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan sentiasa mewujudkan banyak peluang pelajaran dan yang berkualiti bagi melahirkan modal insan yang berkemampuan tinggi kerana melalui ilmu pengetahuan, negara akan maju.

Katanya, antara sebab sesebuah

negara itu mundur adalah kerana kurang perhatian diberikan kepada pelajaran yang menyebabkan negara berkenaan tidak berkemampuan untuk membangunkan modal insan.

Beliau turut menyambut baik langkah swasta mewujudkan tempat dan peluang untuk rakyat negara ini melanjutkan pelajaran melalui institusi pengajian tinggi swasta, kolej swasta dan pusat latihan, sambil menyifatkan ia perkembangan sihat yang mesti terus diberi galakan.

Pada sidang media kemudian, Abdullah berkata, Malaysia berkemampuan memberi peluang pendidikan bermutu dengan kuantiti yang banyak dengan program pembangunan yang seimbang antara kawasan seperti melalui program pembangunan koridor.

Beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Kolej SEGi dengan University of Sheffield, University of Sunderland kedua-duanya dari United Kingdom dan Universitas Airlangga, Indonesia bagi kerjasama kajian, pembelajaran dan pertukaran pelajar dalam bidang perubatan, pergigian, sains kesihatan, kejuruteraan, hospitaliti dan pelancongan serta pentadbiran perniagaan.